



20 NOV, 2025

TNB rugi RM4.57 bilion sejak 2020 kerana krypto

Berita Harian, Malaysia



TNB rugi RM4.57 bilion sejak 2020 kerana krypto

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerugian sebanyak RM4.57 bilion dari 2020 hingga Ogos tahun ini, akibat penggunaan bekalan elektrik secara haram oleh premis yang menjalankan aktiviti melombong mata wang krypto, khususnya bitcoin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata jumlah kerugian itu dikenal pasti selepas TNB berjaya membongkar 13,827 premis yang melakukan aktiviti itu sepanjang tempoh berkenaan.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, bagi menge-

kang isu itu, TNB mewujudkan pangkalan data yang menyimpan rekod lengkap pemilik dan penyewa premis yang disyaki terbabat dalam kecurian elektrik berkaitan perlombongan bitcoin, sebagai rujukan dalaman untuk mengenal pasti serta memantau premis mencurigakan, seterusnya menjadi asas kepada tindakan operasi pemeriksaan.

"Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Suruhanjaya Tena-



Fadillah Yusof

ga (ST) bersama TNB sentiasa komited dalam membanteras aktiviti pengusikan meter dan penggunaan bekalan elektrik secara haram, terutama dalam perlombongan bitcoin atau mata wang krypto.

"Aktiviti ini bukan saja mengancam keselamatan pengguna, tetapi juga akan menjejaskan kestabilan

ekonomi negara, meningkatkan risiko keselamatan awam dan kerosakan harta benda serta mencetuskan ancaman serius kepada

sistem bekalan tenaga negara," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai jumlah premis yang berjaya dibongkar TNB kerana aktiviti menggunakan bekalan elektrik secara haram untuk menjalankan aktiviti melombong mata wang krypto, khususnya bitcoin dan anggaran kerugian serta tindakan TNB untuk mencegah aktiviti haram itu.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, TNB dengan kerjasama pihak berkuasa mengambil beberapa langkah strategik, termasuk melaksanakan operasi stra-

tegik dan bersepadu bersama Kementerian, ST dan agensi penguatkuasaan, seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC), Cyber Security Malaysia (CSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Melalui kerjasama itu, TNB dapat melaksanakan tindakan merampas mesin perlombongan bitcoin di premis terbabat, seterusnya membanteras kegiatan itu secara berkesan.